

Presiden AS minta peruntukan pertahanan terbesar dalam sejarah

Biden usul bajet lebih RM25 trilion

WASHINGTON — Presiden Joe Biden mengumumkan permintaan bajet untuk tahun fiskal 2023 kelmarin dengan meminta hampir AS\$6 trilion (RM25.35 trilion) termasuk apa yang beliau anggap sebagai pelaburan terbesar dalam keselamatan negara sepanjang kewujudan Amerika Syarikat (AS).

Bajet 2023 itu meminta AS\$5.8 trilion (RM24.50 trilion) termasuk sekitar AS\$813 bilion (RM3.43 trilion) bagi perbelanjaan keselamatan negara, peningkatan AS\$69 bilion (RM291.5 bilion) atau hampir 10 peratus daripada peruntukan yang diterima oleh Jabatan Pertahanan pada 2022.

Menurut Biden, peningkatan peruntukan itu adalah bagi tujuan seperti memerangi ancaman global, memodenkan senjata nuklear AS dan meningkatkan keselamatan siber. Perkembangan itu berlaku ketika perang Rusia-Ukraine berterusan.

“Saya meminta pelaburan antara terbesar dalam sejarah keselamatan negara kita dengan dana diperlukan bagi memastikan tentera kita kekal paling bersedia, menerima latihan dan kelengkapan terbaik di dunia,”

BAJET 2023 meminta peruntukan tambahan bagi memodenkan angkatan tentera AS bagi menghadapi cabaran untuk mempertahankan sekutu Barat. — AFP



BIDEN menjawab soalan selepas mengumumkan bajet beliau di White House, Washington kelmarin. — AFP

kata Biden dalam satu kenyataan kelmarin.

Sebuah kumpulan terdiri daripada 40 wakil rakyat Parti Republikan diketuai oleh Mike Rogers dan Senator Jim Inhofe telah menghantar sepucuk surat meminta peruntukan ketenteraan ditambah lima peratus. Mereka berkata, penambahan itu perlu berikutan ancaman kepada keselamatan AS melonjak sejak setahun lalu.

Memetik pencerobohan berterusan Rusia ke atas Ukraine dan pemerkasaan tentera China, kumpulan wakil rakyat berkenaan mendesak Biden supaya melabur dalam program modenisasi ketenteraan dan menjadikan tentera AS lebih bersiaga termasuk dalam aspek keselamatan siber.

“Sekiranya kita tidak melabur dalam keperluan ketenteraan hari ini, kita tidak akan dapat mempertahankan negara dan sekutu AS di masa hadapan. Keselamatan dunia bebas bergantung kepada tentera AS yang berkemampuan,” kata mereka dalam surat itu.

Biden meminta AS\$715 bilion (RM3.02 trilion) untuk perbelanjaan pertahanan pada tahun fiskal 2022. Jumlah itu kurang daripada yang diminta oleh bekas Presiden AS, Donald Trump dalam tahun 2021 semasa tahun terakhir pentadbiran beliau.

Usul bajet yang diumumkan kelmarin juga menampakkan usaha baharu untuk mengurangkan defisit persekutuan.

Pada tahun lalu, Biden cuba meningkatkan defisit sepanjang tempoh hampir 10 tahun kepada hampir AS\$1.4 trilion (RM5.91 trilion). Pada tahun ini, beliau menetapkan matlamat untuk mengurangkan defisit sebanyak lebih AS\$100 bilion (RM422 bilion) setahun bermula pada 2030.

Bajet Biden juga merangkumi Cukai Pendapatan, Minimum Billionair yang akan mengenakan cukai 20 peratus kepada isi rumah berpendapatan lebih AS\$100 juta (RM422 juta) setahun. Ia dijangka melibatkan kelompok 700 individu paling kaya di AS.

Pada masa ama, Biden mahu menaikkan kadar cukai korporat iaitu cukai yang dibayar bagi keuntungan syarikat kepada 28 peratus.

“Syarikat-syarikat korporat mendapat pengurangan cukai yang besar dalam tahun 2017. Walaupun keuntungan mereka melonjak, pelaburan dalam ekonomi negara adalah sebaliknya,” kata Biden. — AGENSI

